

PEMAKLUMAN BERKENAAN KRITERIA PENGIKLANAN BAGI SETIAP PENGAMBILAN JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN DAN PAKAR PERUBATAN DI MALAYSIA

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Perubatan Malaysia (MPM) pada sebelum ini telah menerima pelbagai bentuk iklan yang dikemukakan oleh pihak majikan bagi permohonan pendaftaran pengamal perubatan bukan warganegara untuk berkhidmat di institusi mereka. Sehubungan itu, bagi memastikan bahawa setiap pengiklanan perjawatan pengamal perubatan boleh dijangkau oleh semua pengamal perubatan di Malaysia serta memberi keutamaan kepada pengamal perubatan warganegara, Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia (MPM) kali ke-406 yang bersidang pada 25 Mei 2021 telah menetapkan kriteria-kriteria berikut bagi setiap pengiklanan suatu perjawatan bagi pengambilan Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan di Malaysia **berkuatkuasa serta merta** :

- 1) Iklan dalam laman sesawang institusi selama tidak kurang dari satu minggu, **ATAU**
- 2) Iklan dalam *mainstream media* (seperti *Berita Harian, New Straits Times* atau *seumpama*) sama ada melalui media cetak atau media elektronik selama tidak kurang dari 3 hari.

Pengamal perubatan bukan warganegara juga diwajibkan untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut **dari pihak majikan** bagi setiap permohonan pendaftaran dengan MPM:

- 1) salinan iklan bagi perjawatan yang ingin didaftarkan yang memenuhi salah satu kriteria di atas, **DAN**
- 2) justifikasi pengambilan pengamal bukan warganegara Malaysia bagi jawatan yang ingin didaftarkan

Permohonan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi kriteria di atas tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada Sekretariat MPM melalui butiran berikut :

No. telefon :03-26912171 (no. sambungan: 130) & 016-3269354
Emel : ecpmq.mmc@gmail.com

Sekian, terima kasih.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**